

Buku Peraturan PUBG Malaysia Esports League 2024

BUKU SYARAT DAN PERATURAN

**PLAYERUNKNOWN'S BATTLEGROUNDS
(MOBILE)**

**Pihak penganjur berhak mengubah peraturan mengikut kesesuaian
pertandingan tanpa perlu memberikan notis awal kepada mana mana pihak**

boleh/akan diubah/ditambah baik untuk kejohanan ini bagi memastikan integriti kejohanan dikekalkan, dan untuk memastikan persekitaran kejohanan yang adil bagi semua pemain yang mengambil bahagian dalam kejohanan ini.

Garis Masa MEL24

- 20 Julai 2024 - Pendaftaran dibuka
- 4 Ogos 2024 - Pendaftaran ditutup
- 9 hingga 18 Ogos 2024 - **Tempoh pertandingan pemilihan peringkat negeri berdasarkan jadual negeri masing masing**
- 23 Ogos 2024 - **Tarikh akhir** pendaftaran dan **penyerahan senarai** pasukan/pemain bagi mewakili setiap negeri
- 30 Ogos 2024 - Liga MEL24 **peringkat kebangsaan** bermula (Dalam Talian)
- **18 hingga 20 Oktober 2024 - Playoff bagi MLBB & EFootball. Open series Valorant dan Tekken 8.**
- 20 Oktober 2024 - Penyampaian hadiah di **ESI Hub, Spacerubix Puchong.**

Kuota Pemain Home bagi MEL24 Liga Utama

- **Pilihan Utama**
 - Bagi kategori berpasukan, 3 pemain Home/Negeri bagi MLBB & 2 pemain Home/Negeri bagi PUBGM & FREE FIRE.
 - Bagi kategori individu, pemain mestilah berasal dari negeri tersebut.
 - Pengesahan tempat tinggal boleh dilakukan melalui kad pengenalan, bil utiliti/air, surat tawaran belajar/bekerja dan juga melalui alamat Persatuan Esukan Negeri/WP.
- **Pilihan Kedua**
 - Pemain di negeri atau wilayah persekutuan pilihan mereka. Tetapi pemain tidak dibenarkan bermain lebih dari satu Negeri atau Wilayah Persekutuan dan Judul Permainan yang sama atau berlainan.
 - Bagi Pemain yang bukan berasal dari Negeri/WP, pengesahan tempat tinggal boleh dilakukan melalui kad pengenalan, bil utiliti/air, surat tawaran belajar/bekerja dan juga melalui alamat Persatuan Esukan Negeri/WP.
 - Satu surat pengesahan perlu dikeluarkan oleh Persatuan Esukan Negeri/WP agar mendapat **Persetujuan Bersama** diantara ketiga-tiga

pihak iaitu Negeri/WP memilih pemain tersebut, Negeri/WP asal & pemain.

- Contoh:

- Pemain IC nombor asal di Kedah menetap di Selangor dan hendak bermain di Liga Selangor, dibenarkan. (Pengesahan tempat tinggal boleh gunakan alamat menetap, bil utiliti, dan surat tawaran belajar/bekerja)
- Pemain IC nombor asal di Kedah menetap di Selangor dan hendak bermain di Liga Johor, dibenarkan tetapi perlu disertakan **Persetujuan Bersama** Negeri/WP IC nombor asal.

Kuota Pemain Tempatan/Import bagi MEL24 Peringkat Kebangsaan

- Hanya dua PEMAIN import dibenarkan untuk PUBG Mobile.
- Pengesahan dan kebenaran pemain import oleh home state dan importing state dilakukan melalui platform esukan.gg dan melalui pengesahan dari Persatuan Negeri.
- Para pemain harus melakukan Pengisytiharan Diri (Self Declaration) melalui platform esukan.gg sebelum peringkat kebangsaan bermula.

Pemain Simpanan

- Liga MEL24 - Setiap pasukan yang bertanding dibenarkan untuk mendaftar dua pemain simpanan, tertakluk kepada definisi pemain home & import.
- Permohonan untuk penukaran pemain yang tidak berdaftar hanya dibenarkan sekiranya pemain yang berdaftar memenuhi kriteria berikut:
 - Kecederaan, kemalangan atau hospitalisasi
 - Kematian
 - Faktor peperiksaan atau komitmen pelajaran
 - **Perlu melampirkan bukti surat pengesahan**
- Tiada penambahan pemain pada hari perlawanan dibenarkan sekiranya tidak mengemukakan bukti yang kukuh.
- Mana-mana pasukan yang telah layak ke Peringkat Kebangsaan MEL24 adalah tidak dibenarkan untuk menukar ahli-ahli pasukan, **kecuali memenuhi kriteria diatas** mereka yang telah berdaftar sebagai pemain simpanan.

Syarat Kelayakan Pemain Profesional

- Pemain **PUBG Mobile Super League - Southeast Asia Summer 2024** (PMSL) 2024 tidak dibenarkan untuk menyertai.

Pendaftaran

- Terbuka kepada warganegara Malaysia sahaja.
- Pendaftaran di laman web www.esukan.gg.
- Perlu menyediakan gambar kad pengenalan yang jelas.
- Pemain tidak dibenarkan untuk menyertai lebih dari satu pertandingan MEL24 peringkat Negeri dengan Judul Permainan yang sama. Jika ia berlaku, secara automatik pemain tersebut akan disingkirkan serta-merta di pendaftaran yang kedua.
- Maklumat pasukan **tidak boleh diubah** setelah tempoh pendaftaran ditutup (IGN, pemain).
- Nama dan Logo Pasukan tidak boleh mengandungi frasa, atau unsur yang menyinggung perasaan, kasar atau tidak sesuai. Ini mungkin juga tidak mengandungi unsur korporat, atau harta intelek tanpa persetujuan terlebih dahulu daripada Penganjur. Untuk mendapatkan persetujuan, pasukan harus menunjukkan dokumen sokongan yang menunjukkan bahawa mereka mempunyai kebenaran untuk menggunakan elemen tersebut untuk pasukan mereka.

Definisi Pemain

- Self declaration melalui platform esukan.gg. Sekiranya tidak dilengkapkan, pemain boleh hilang kelayakan.
- Untuk liga MEL24 , peserta dari kategori amatur, semi pro dan professional dibenarkan menyertai.
- Para pemain yang melakukan pengisytiharan tidak tepat boleh hilang kelayakan untuk bertanding.
- Kesemua pasukan dan para peserta adalah tertakluk kepada definisi pemain home, pemain import dan kuota pemain simpanan.
- Setiap pasukan dibenarkan dan digalakkan untuk melantik seorang Pengurus pasukan untuk memudahkan komunikasi dan penyelarasan perlawanan.

- Peserta perlu memuat naik gambar profil mereka untuk tujuan promosi perlawanan.

Makluman Umum

- Satu pasukan terdiri daripada **4 pemain utama + 2 pemain simpanan**.
- Pemain hanya boleh menggunakan telefon pintar iOS dan Android sahaja. Tablet atau iPad serta emulator adalah dilarang. “*Triggers Clickers*” atau telefon pintar yang mempunyai fungsi “Triggers Clickers” seperti ROG Phone II Air Trigger, Nubia Red Magic 3 Air Trigger atau mana-mana telefon yang mempunyai fungsi yang sama adalah tidak dibenarkan atau perlu tutup fungsi “*Triggers Clickers*” tersebut.
- Aksesori tambahan **SELAIN** kabel USB, *powerbank*, *adapter*, *finger sleeve* dan *headphone/headset/earphone* adalah tidak dibenarkan sepanjang kejohanan sedang berlangsung.
- Kejohanan ini akan dilaksanakan secara **DALAM TALIAN**.
- **Pasukan dan pemain yang layak ke MEL24 Liga Utama akan membawa nama Negeri, bukan nama pasukan. Contoh: PUBG - Selangor.**
- **Bagi IGN pemain di MEL24 Liga Utama, wajib ditukar mengikut negeri masing-masing contoh : SELxNasrul**

Komunikasi

- Segala komunikasi antara pengurus pertandingan dengan pemain adalah melalui **GROUP WHATSAPP/DISCORD** sahaja.

Pentadbiran & Pengumuman

- Sesiapa sahaja yang diberi kuasa oleh JAWATANKUASA untuk mengawal selia pertandingan mengikut syarat dan peraturan akan dipanggil “marshall” atau “pengadil” dalam perkara berikut,

Komitmen

- Dengan menghadiri pertandingan ini peserta mengakui untuk mematuhi syarat dan peraturan, pengumuman rasmi dan kenyataan serta keputusan dibuat oleh pengadil.

- Setiap peserta mengakui hak bagi pihak pentadbiran untuk menukar syarat dan peraturan bagi tujuan pelarasan pada bila-bila masa tanpa notis.
- Mana mana pasukan yang menarik diri ketika kejohanan masih berlangsung tanpa mengemukakan sebab rasmi di atas penarikan pasukan tersebut, akan dikenakan tindakan banned dari menyertai kejohanan ini.

Sila ikuti prosedur daftar masuk seperti yang digariskan oleh penganjur.

Pasukan yang tidak mendaftar masuk dalam waktu yang ditentukan akan dibatalkan penyertaan mereka.

Sistem Pemarkahan Dalam Permainan

- Pemarkahan untuk setiap pertandingan akan berdasarkan pada hitungan akhir setiap pasukan dan penempatan dalam permainan seperti yang dinyatakan di bawah.
- Sistem Pemarkahan akan direset pada setiap minggu.

Tournament (Squad) Scoring System			
Kill Points		1 per Kill	
Endgame Placement Points			
Placement	Points	Placement	Points
1st Place	10	9th Place	0
2nd Place	6	10th Place	0
3rd Place	5	11th Place	0
4th Place	4	12th Place	0
5th Place	3	13th Place	0
6th Place	2	14th Place	0

<i>7th Place</i>	<i>1</i>	<i>15th Place</i>	<i>0</i>
<i>8th Place</i>	<i>1</i>	<i>16th Place</i>	<i>0</i>

Sistem Pemarkahan “Weekly Ranking”

- Weekly Ranking merupakan markah permainan yang akan dikira setelah perlawanan tamat pada setiap minggu.
- Juara akan ditentukan oleh pasukan yang mengumpul “Weekly Ranking” yang paling tinggi.

Weekly Ranking			
Placement	Points	Placement	Points
<i>1st Place</i>	<i>16</i>	<i>9th Place</i>	<i>8</i>
<i>2nd Place</i>	<i>15</i>	<i>10th Place</i>	<i>7</i>
<i>3rd Place</i>	<i>14</i>	<i>11th Place</i>	<i>6</i>
<i>4th Place</i>	<i>13</i>	<i>12th Place</i>	<i>5</i>
<i>5th Place</i>	<i>12</i>	<i>13th Place</i>	<i>4</i>
<i>6th Place</i>	<i>11</i>	<i>14th Place</i>	<i>3</i>
<i>7th Place</i>	<i>10</i>	<i>15th Place</i>	<i>2</i>
<i>8th Place</i>	<i>9</i>	<i>16th Place</i>	<i>1</i>

Tie Breaker

- Sekiranya dua atau lebih pasukan yang berbeza dalam kumpulan yang sama mempunyai **jumlah mata yang sama** dan kedudukan tidak dapat ditentukan, prosedur tie breaker akan dijalankan mengikut turutan dibawah:

1. Pasukan dengan jumlah **chicken dinner** yang lebih banyak

2. Pasukan dengan jumlah **placement point** yang lebih tinggi
3. Pasukan dengan jumlah **kill** yang lebih tinggi.
4. Pasukan dengan **placement** yang lebih tinggi di pusingan akhir

Keputusan Perlawanan

- Sekiranya nilai mata penyingkiran dari Marshall (Result Hitam) tidak sama dengan nilai mata penyingkiran dari pemain, maka mata penyingkiran yang paling tinggi akan dikira. Namun begitu, pemain perlu menyerahkan tangkapan skrin kepada Marshall untuk pengesahan.
- Sebarang bantahan keputusan adalah dibenarkan selepas 15 minit dari masa keputusan dikeluarkan.

Format Pertandingan

- Format Umum
 - o Peta: Erangel, Miramar, Sanhok
 - o Mode perlawanan: Battle Royale TPP
 - o Saiz Pasukan: 4 pemain
 - o Saiz Roster: **6 pemain (2 pemain simpanan)**
 - o Bilangan pasukan di dalam setiap kumpulan yang akan bertanding adalah bergantung kepada bilangan pasukan terkumpul yang telah berdaftar
 - o **JADUAL PERTANDINGAN** - Boleh berubah tanpa notis
- Room settings

TOURNAMENT CARD			
INFO	ERANGEL	MIRAMAR	SANHOK
MAP TYPE	ESPORT		
PLAYZONE SHRINK SPEED	x1.1	x1.1	x1.1
WEAPONS	x2	x2	x2
MAGAZINES	x2	x2	x2
SAFE ZONE 1 START TIME	150s	150s	120s
FIRST AID	DEFAULT		

VEST	DEFAULT
HELM	DEFAULT
USE PC VERSION MATCH PARAMETER	ON
FLARE GUN/RED ZONE/AIM ASSIST/SOUND VISUALIZATION	OFF

Emergency Pick Up adalah tidak dibenarkan.

Rujukan - PUBG Mobile Conqueror Series - Malaysia Summer 2024

Syarat Rematch

- Berikut adalah kes-kes di mana *rematch* dapat dibuat..
- Penganjur boleh memutuskan untuk *rematch* jika perkara berikut berlaku:
 - Situasi di mana pengadil berpendapat bahawa terdapat persekitaran permainan yang tidak adil.
 - Situasi di mana pengadil memutuskan bahawa permainan tidak dapat diteruskan secara normal kerana kesulitan teknikal. Pengecualian termasuk kesalahan peribadi dan kecuaiian pemain.
 - Situasi di mana permainan berhenti atau *freeze* di skrin pemuatan tidak dapat bergerak untuk 10% dari jumlah pemain.
 - Situasi di mana 10% atau lebih pemain mungkin tidak dapat bermain kerana bug dalam permainan yang tidak disengajakan dalam 3 minit pertama.
 - Situasi di mana 10% pemain tidak dapat menyambung ke permainan ketika perlawanan dimulakan (Online).

Syarat untuk *rematch* adalah sah untuk 3 minit pertama permainan atau sebelum ada *kill*. Video bug yang dialami oleh pemain perlu diserahkan kepada marshall dalam masa 3 minit untuk permintaan *rematch*.

Situasi atau scenario yang tidak sah untuk *rematch*

- Pemain tidak memuat turun peta untuk perlawanan dan diusir dari lobi.
- Pemain mengalami *mic/parachute/vehicle bug*.
- Pemain tidak memasuki *room* kerana kelewatan.
- Masalah Internet atau peranti pemain. Pemain bertanggung jawab sepenuhnya untuk sambungan Internet mereka sendiri, dan diharapkan membuat persiapan yang sewajarnya untuk memastikan bahawa Internet mereka stabil semasa Kejohanan.

Larangan

- Menipu adalah dilarang. Sebarang pengubahsuaian permainan PUBG MOBILE oleh mana-mana pemain, pasukan adalah dilarang. Penggunaan sebarang jenis alat penipuan atau program menipu, atau kaedah penipuan seperti peranti isyarat, perisian pemicu / pencetus, isyarat tangan dan lain-lain akan dianggap menipu.
- Pemain boleh menghantar laporan sekiranya terdapat pasukan yang menipu dengan bukti kukuh, yang merupakan bukti video.
- Sengaja menggunakan *bug* dalam permainan untuk mencari kelebihan dengan mengeksploitasi *bug* adalah dilarang. Mengeksploitasi merangkumi tindakan seperti memanfaatkan fungsi permainan, berdasarkan penentuan Tournament Organizer, tidak berfungsi sebagaimana sepatutnya dan melanggar tujuan reka bentuk PUBG MOBILE.
- *Flare Gun* adalah dilarang sama sekali untuk digunakan. Demerit 10 mata akan dikenakan kepada mana mana pasukan yang melanggar arahan ini
- **Tidak dibenarkan bertanding kurang daripada 3 pemain. Jika didapati pemain bawah dari 3 orang, admin/host berhak untuk menolak penyertaan pasukan untuk bertanding**
- Hanya IGN dan ID **berdaftar** sahaja dibenarkan masuk ke dalam permainan. Mana-mana pasukan yang didapati melanggar peraturan ini, pasukan tersebut akan hilang mata pemarkahan atau disingkirkan dari bertanding
- Kegagalan pasukan untuk masuk kedalam salah satu pusingan boleh menyebabkan pasukan itu kehilangan kelayakan untuk bertanding berdasarkan budi bicara pihak penganjur.

- Mana-mana pasukan yang didapati gagal untuk menyertai dalam mana-mana pusingan tanpa tunjuk sebab yang munasabah, atas budi bicara pihak penganjur boleh dikenakan hukuman :
 - Tiada bayaran balik yuran komitmen,
 - Ditarik kelayakan bertanding,
 - Dibekukan dari menyertai pertandingan di bawah kelolaan pihak penganjur di masa hadapan,
 - Atau, kedua-duanya sekali.

Bergantung pada tahap pelanggaran peraturan, hukuman ini dapat dikenakan

- Potongan Mata
- Perampasan Mata Perlawanan
- Hilang Kelayakan Pemain / Pasukan
- Pelucutan Hadiah
- Larangan Bermain Pada Pemain / Pasukan

Tingkah Laku Dan Semangat Kesukanan

Setiap pasukan perlu mematuhi semua tingkah laku dan semangat kesukanan semasa kejohanan atas talian mahupun luar talian seperti yang digariskan oleh pihak penganjur :

- Tunjukkan rasa hormat kepada semua yang terlibat dalam kejohanan. Ini termasuk, pemain, Krew/Marshall dan pihak penganjur.
- Sentiasa menunjukkan integriti semasa bermain dalam setiap kejohanan, jujur dan bermain adil.
- Dilarang menggunakan sebarang bahasa yang mendiskriminasi, termasuk mana-mana bahasa berkenaan etnik, kewarganegaraan, bangsa, jantina, agama, orientasi seksual atau kepercayaan peribadi.
- Dilarang menggunakan apa-apa bahasa kasar yang melampau, seperti kata-kata kotor atau bahasa yang secara grafiknyanya berunsur seksual, anah atau ganas.

- Dilarang mengganggu, mengintai atau melakukan sesuatu dengan sengaja untuk membuat orang lain berasa tidak selesa atau terancam.
- Dilarang berkongsi maklumat peribadi tentang diri anda atau individu lain.
- Dilarang melibatkan diri dalam, meminta, mengatur atau menawarkan aktiviti atau bahan yang menyalahi undang-undang.
- Dilarang menyamar sebagai individu lain.
- Dilarang spam, sama ada dalam teks atau suara.
- Dilarang berkongsi akaun anda, akaun anda adalah untuk kegunaan anda dan kegunaan anda sahaja. Jangan berikan akses kepada akaun anda kepada orang lain dan jangan akses akaun orang lain, walaupun dengan kebenaran mereka.

Penalti/Hukuman Kesalahan

Klasifikasi	Keterangan	Penalti
Pelanggaran peraturan	Kegagalan untuk mematuhi standard peraturan : Buku Peraturan PUBGM Malaysia Esports League 2024	Amaran
Kelewatan	Kegagalan untuk mengambil tempat pada masa yang ditetapkan oleh Marshall atau masuk ke lobi	Amaran
Penamatan permainan secara sengaja	Secara sengaja tidak mengambil bahagian dalam salah satu perlawanan	Hilang kelayakan
Keganasan dan jenayah	Keganasan, tindakan seksual atau gangguan yang mungkin menyinggung perasaan orang lain	Hilang kelayakan (akan digantung)
Pemain palsu	Mempercayakan akaun anda kepada pemain lain untuk mengambil bahagian dalam permainan, tidak kira sama ada peserta diberi pampasan kewangan	Hilang kelayakan (akan

	atau tidak	digantung)
Penggunaan program haram	Penggunaan dengan sengaja program yang menyalahi undang-undang dan tidak dibenarkan seperti penggodaman dan pepijat	Hilang kelayakan (akan digantung)
Penipuan	Tindakan memartabatkan prestasi permainan melalui tindakan yang tidak berkaitan dengan kemampuan pemain itu sendiri	Hilang kelayakan
Diskriminasi	Perkataan, tindakan atau perbuatan serupa yang menghina maruah individu atau kumpulan orang, seperti bangsa, negara, asal usul sosial atau jantina, atau mengandungi mesej yang menghina politik atau agama	Amaran berat dan boleh hilang kelayakan

Proses Pembayaran Hadiah

- Semua pembayaran akan dipindahkan ke akaun bank atas Pemilik/Organisasi/Pengurusan seperti yang dimaklumkan kepada pihak penganjur.
- Proses ini akan mengambil **masa lebih kurang 120 hari** bekerja dari tarikh akhir kejohanan.
- Berikut merupakan pecahan jumlah hadiah :

PRIZE POOL				
MEL 24 - STATE SELECTION (X16)				
Game Titles	Placing	RM	RM	
PUBG	Champion	1,000		
	2nd Place	700		
	3rd Place	500		
	4th Place	300		
	TOTAL		2,500	
MLBB	Champion	1,000		
	2nd Place	700		
	3rd Place	500		
	4th Place	300		
	TOTAL		2,500	
FREE FIRE	Champion	1,000		
	2nd Place	700		
	3rd Place	500		
	4th Place	300		
	TOTAL		2,500	
eFootball24 MOBILE	Champion	700		
	2nd Place	500		
	3rd Place	300		
	4th Place	200		
	TOTAL		1,700	
		TOTAL EACH STATE	9,200	
		GRAND TOTAL WITH ALL STATE/WP x 16	147,200	

MEL 24 - MAIN LEAGUE				
Game Titles	Placing	RM	RM	
PUBG	Champion	10,000		
	2nd Place	7,000		
	3rd Place	5,000		
	4th Place	3,000		
	5th Place	2,000		
	6th Place	1,000		
	7th Place	800		
	8th Place	600		
	9th Place	400		
	10th Place	200		
	MVP	2,000		
	TOTAL		32,000	
MLBB	Champion	10,000		
	2nd Place	7,000		
	3rd Place	5,000		
	4th Place	3,000		
	5th Place	2,000		
	6th Place	1,000		
	7th Place	800		
	8th Place	600		
	9th Place	400		
	10th Place	200		
	MVP	2,000		
	TOTAL		32,000	

Game Titles	Placing	RM	RM	
FREE FIRE	Champion	10,000		
	2nd Place	7,000		
	3rd Place	5,000		
	4th Place	3,000		
	5th Place	2,000		
	6th Place	1,000		
	7th Place	800		
	8th Place	600		
	9th Place	400		
	10th Place	200		
	MVP	2,000		
	TOTAL		32,000	
eFootball24 MOBILE	Champion	5,000		
	2nd Place	3,000		
	3rd Place	2,000		
	4th Place	1,000		
	5th Place	800		
	6th Place	700		
	7th Place	600		
	8th Place	600		
	9th Place	400		
	10th Place	400		
	MVP	2,000		
	TOTAL		16,500	
		GRAND TOTAL	112,500	

11

PRIZE POOL				
MEL 24 - OPEN SERIES				
Game Titles	Placing	RM	RM	
Tekken 8	Champion	500		
	2nd Place	300		
	3rd Place	200		
	4th Place	100		
	TOTAL		1,100	
Valorant	Champion	1,500		
	2nd Place	1,000		
	3rd Place	800		
	4th Place	600		
	TOTAL		3,900	
		GRAND TOTAL	5,000	

OVERALL PRIZE POOL	
CATEGORY	TOTAL (RM)
MEL24 STATE SELECTION	147,200
MEL24 MAIN LEAGUE	112,500
MEL24 OPEN SERIES	5,000
GRAND TOTAL	264,700

12

- Penarikan Hadiah

Jika hadiah wang untuk pertandingan masih lagi tidak dibayar, pihak penganjur berhak untuk membatalkan wang hadiah tersebut jika mana-mana pasukan telah melanggar peraturan yang telah dinyatakan di dalam buku peraturan ini.

Prosedur laporan

- Sekiranya pasukan mengesyaki pemain lain dari pasukan lain melanggar peraturan untuk kejohanan ini, mereka harus membuat laporan rasmi kepada penganjur dengan bukti sokongan agar siasatan dapat dijalankan.

Contoh bukti sokongan: video (untuk kes disyaki *hack/cheat*)

Perubahan peraturan dan undang-undang diatas

- Pentadbir Kejohanan berhak untuk menolak mana-mana peraturan di atas. untuk mengelakkan pemain cuba menggunakan *loophole* dalam peraturan untuk mendapatkan kelebihan yang tidak adil.
- **Penganjur, mengikut budi bicara mereka, boleh mengubah mana-mana peraturan.** Mereka mempunyai keputusan akhir mengenai apa sahaja mengenai kejohanan tersebut.

Maklumat penting

- Program yang membantu mengurangkan ping tidak digalakkan kerana sistem akan melarang secara automatik.
- Kecuali dinyatakan sebaliknya, kesalahan dan pelanggaran peraturan pertandingan ini boleh dihukum, sama ada kesalahan itu dilakukan secara sengaja atau tidak. Percubaan untuk melakukan kesalahan atau pelanggaran tersebut juga boleh dihukum. Ketetapan Penganjur Kejohanan mengenai tindakan tata tertib yang sesuai adalah muktamad.
- Dokumen ini merangkumi peraturan kejohanan untuk PUBG MOBILE. Pemain diharap faham dan akur dengan perincian yang ditulis di sini. Penganjur berhak untuk meminda peraturan kejohanan berdasarkan keadaan tanpa pemberitahuan terlebih dahulu dan persetujuan pemain. Keputusan penganjur adalah mutlak.

Hak cipta

- Semua visual dan bahan siaran langsung adalah hak penganjur kejohanan ini.

Notis Akhir

- Dengan mengikuti **Buku Peraturan PUBGM Malaysia Esports League 2024**, setiap pasukan sudah bersetuju untuk mengikuti dan menghormati sebarang keputusan dari **PIHAK MARSHALL** dan **PIHAK PENGANJUR**.

Hal-hal yang tidak diperuntukkan
• Segala hal yang tidak diperuntukkan di bawah mana – mana peraturan atau soal perbezaan tafsiran akan di putuskan oleh Jawatankuasa Pertandingan dan keputusan itu adalah muktamad.

TAMAT SYARAT DAN PERATURAN